



DELEUM

POLISI KUALITI

Skop Sistem Pengurusan Kualiti berdasarkan Dasar ini untuk Deleum Services Sdn Bhd (“DSSB”) adalah seperti berikut:

Penyediaan produk dan perkhidmatan untuk penerokaan dan pengeluaran minyak dan gas; perkhidmatan garisan wayar, penyelenggaraan kepala telaga, penyelesaian bersepadu aset dan perkhidmatan medan minyak; kimia khas dan rangsangan telaga; pembaikan dan baik pulih peralatan elektrik dan mekanikal termasuk tapak kerja; dan kakisan, pemeriksaan dan mitigasi bersepadu untuk industri penyediaan di permukaan.

Bagi tujuan memastikan ketumbuhan yang berterusan dan meningkatkan nilai pihak berkepentingan, DSSB komited dalam memberikan produk dan perkhidmatan yang akan memastikan kepuasan pelanggan dengan mengekalkan dan menambahbaik sistem pengurusan kualiti secara berterusan seperti berikut:

1. Komitmen dan sokongan pihak pengurusan untuk mengkaji dan terus meningkatkan Sistem Pengurusan Kualiti dengan mematuhi standard antarabangsa dan kehendak pelanggan.
2. Memastikan bahawa Pengurusan dan kakitangan melaksanakan dan mematuhi kehendak Sistem Pengurusan Kualiti dengan berkesan di semua peringkat, dan mengenalpasti serta menilai risiko yang berkaitan dengan semua aktiviti untuk memastikan langkah-langkah pencegahan dan mitigasi kejadian dan gangguan yang bersesuaian.
3. Memastikan bahawa produk yang dibekalkan dan perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan mematuhi atau melebihi jangkaan kontrak.
4. Mengenal pasti dan memberikan latihan yang sesuai kepada pekerja untuk meningkatkan kemahiran dan pemahaman tentang proses dan memastikan sokongan perkhidmatan yang optimum kepada pelanggan.
5. Memastikan komunikasi Dasar Kualiti dan Sistem Pengurusan Kualiti yang berkesan kepada perniagaan, operasi, dan pihak yang berkepentingan.

Pengurusan dan kakitangan DSSB komited untuk menerapkan Dasar Kualiti dan Sistem Pengurusan Kualiti ini dalam aktiviti seharian dan interaksi bersama pelanggan.

RAMANRAO BIN ABDULLAH
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN
12 OGOS 2021
Semakan 4